

DUA KEGEMBIRAAN BAGI YANG BERPUASA



Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda:

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ
فَرِحَ بِصَوْمِهِ.

"Bagi orang yang berpuasa akan mendapat dua kegembiraan yang dia akan bergembira dengan kedua-duanya.

- 1) apabila berbuka dia bergembira
- 2) apabila berjumpa dengan Tuhannya, dia bergembira disebabkan ibadah puasanya itu."

أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ فِي صَحِيحِهِ، كِتَابُ الصَّوْمِ، بَابُ هَلْ يَقُولُ إِنِّي صَائِمٌ إِذَا سَمِعَ حَدِيثَ رَجُلٍ لَمْ يَسْمَعْهُ فِي صَحِيحِهِ، كِتَابُ الصَّيَامِ، بَابُ فَضْلِ الصَّيَامِ، حَدِيثُ رَجُلٍ 1151.

Pengajaran Hadith

1 Kebanyakan manusia terjerumus dalam kegembiraan palsu yang penghujungnya adalah kesengsaraan kerana kegembiraan hakiki itu hanyalah daripada Allah SWT.

2 Allah SWT menjanjikan melalui lidah Rasul-Nya akan mengurniakan dua kegembiraan kepada orang yang berpuasa dengan mematuhi adab-adabnya dengan sempurna.

